

# **ORANG ASLI DALAM POLITIK DAN PEMBANGUNAN DI PAHANG**

**Oleh**

**OMAR BIN OTHMAN**

Tesis Ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains  
Januari 2004

Khas ditujukan kepada MAMA, IDA, PIQ, YUYU, SHASHA dan UDIN

*Kalian semua adalah sumber inspirasi dalam penyediaan kajian ini.*

*TERIMA KASIH !*

*“.....Sesungguhnya zaman beredar dan semuanya beredar serta berubah dengannya. Mereka yang tidak sanggup berubah akan ketinggalan zaman. Tidak ada bangsa ataupun negara di dunia ini yang boleh mengasingkan diri daripada perubahan yang berlaku di sekeliling mereka.....”*

*Tun Dr. Mahathir Mohamad*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

## **ORANG ASLI DALAM POLITIK DAN PEMBANGUNAN DI PAHANG**

**Oleh**

**OMAR BIN OTHMAN**

**Januari 2004**

**Pengerusi: Profesor Jayum A. Jawan, Ph.D.**

**Fakulti: Ekologi Manusia**

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk meneliti penglibatan masyarakat Orang Asli di Pahang dalam bidang politik dan pembangunan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk melihat pandangan serta pengetahuan mereka dalam kedua-dua bidang ini. Kajian dimulakan dengan melihat beberapa konsep yang berkaitan dalam bidang politik dan pembangunan. Seterusnya, kajian dilakukan dengan membuat sorotan beberapa penulisan yang telah dihasilkan berkaitan dengan bidang kajian. Kajian ini menggunakan pelbagai kaedah seperti survei (soalselidik), temubual tidak formal, penyelidikan perpustakaan dan pengalaman peribadi digunakan sebagai kaedah sokongan. Analisis dimulakan dengan melihat struktur politik masyarakat Orang Asli, penglibatan mereka dalam bidang politik serta pandangan dan pengetahuan masyarakat berkenaan tentang politik di Pahang. Analisis mengenai penglibatan serta pandangan dan pengetahuan masyarakat Orang Asli di Pahang berkaitan dengan pembangunan juga diberi tumpuan. Selain dari aspek-aspek di atas, kajian juga dilakukan dengan meneliti peranan kerajaan dalam membantu membangunkan masyarakat Orang Asli di Pahang.

Hasil kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya, penglibatan masyarakat Orang Asli dalam bidang politik adalah membanggakan. Penglibatan dalam proses pilihanraya, iaitu mengundi, adalah amat tinggi. Dari segi pengetahuan politik, kajian mendapati bahawa pengetahuan masyarakat Orang Asli dalam perkara ini adalah tinggi. Ini diterjemahkan melalui pengetahuan mereka tentang wakil rakyat di kawasan masing-masing. Cuma apa yang agak ketara melalui kajian ini ialah penglibatan dan pengetahuan yang tidak setara antara suku kaum serta kawasan. Dalam aspek berkaitan dengan pembangunan pula, hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar dari masyarakat Orang Asli di Pahang telah terlibat secara langsung dalam bidang pembangunan dan telah menerima pelbagai bentuk pembangunan terutamanya pembangunan infrastruktur. Berhubung dengan pengetahuan mereka tentang pembangunan, sebahagian besar daripada masyarakat Orang Asli tahu apa yang dimaksudkan dengan “pembangunan”. Bagaimanapun, kajian mendapati bahawa penglibatan dan pengetahuan yang tinggi ini hanya tertumpu di kawasan-kawasan tertentu dan tidak menyeluruh. Justeru, pihak-pihak berkaitan dengan pembangunan masyarakat Orang Asli disaran agar mengambil langkah-langkah drastik bagi memastikan penyertaan dan penglibatan yang lebih menyeluruh di kalangan masyarakat berkenaan dalam politik dan pembangunan di Pahang.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment  
of the requirement for the degree of Master of Science

**ORANG ASLI IN POLITICS AND DEVELOPMENT OF PAHANG**

**By**

**OMAR BIN OTHMAN**

**January 2004**

**Chairman: Professor Jayum A. Jawan, Ph.D.**

**Faculty: Human Ecology**

The research is carried out to determine the role and involvement of the Orang Asli community in the politics and development in Pahang. The study aims to gauge their views and knowledge in the two fields. The study engages several concepts in the fields of politics and development. This study will also review previous researches and studies in the same field. Various research methods are used such as survey, informal interview, literature research and personal experiences. Analysis begins by looking at the political structure of the Orang Asli community, their involvement in politics as well as their views and knowledge of development. In addition, the study also examines the role of the government in aiding the development of the Orang Asli community in Pahang.

Study findings reveal that on the whole, the Orang Asli's involvement in politics is satisfactory. Their involvement in the electoral process—i.e. voting—are quite high. On political knowledge, the study found that the Orang Asli's knowledge in this areas is high. This is concluded from the fact that the Orang Asli are very

familiar with their local assemblyman. However, it is noted that the level of participation and understanding varies from group to group and from area to area. In the aspect of development, research findings show that a majority of the Orang Asli community have actually participated directly in development and that some have also benefited from it especially in the form of infrastructure development. With respect to their knowledge of development, a larger proportion of the Orang Asli knew what the term “development” generally entails. However, the study found that although involvement and knowledge is high, this varies between areas and is not uniform throughout the Orang Asli settlement. Therefore, relevant authorities, involved in the development of the Orang Asli community should take drastic measures to ensure the participation of these citizens be more comprehensive in politics and development in Pahang.

## PENGHARGAAN

Saya bersyukur kerana dapat sedikit sebanyak menyumbang kepada pembangunan masyarakat Orang Asli di Malaysia amnya dan di Pahang khususnya.

Melalui kajian ini, saya cuba mengupas beberapa isu berbangkit dan cuba mencari penyelesaian kepada isu-isu ini, yang sebahagian besarnya berhubung rapat dengan sikap dan peranan Orang Asli itu sendiri terhadap kemajuan mereka. Selain dari penyelidikan dan rujukan kepada beberapa kajian sebelum ini, penghasilan kajian ini juga banyak berdasarkan pengalaman peribadi saya dengan Orang Asli di Pahang.

Kajian ini pasti tidak menjadi kenyataan tanpa sokongan dan kerjasama beberapa tokoh akademik yang membantu saya. Mereka inilah yang banyak memberi dorongan, teguran, nasihat, tunjuk ajar serta cadangan kepada saya sepanjang tempoh penyediaan kajian ini. Justeru itu, saya ingin dengan rasa penuh ikhlas menghadiahkan **UCAPAN TERIMA KASIH** yang tidak terhingga kepada Jawatankuasa Penyelia (Prof. Dr. Jayum Jawan, Dr. Haji Zahid Emby dan Dr. Zaid Ahmad), Prof. Dato' Dr. Idris Abdul (Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Putra Malaysia ketika saya mula mendaftar), Prof. Dr. Abdullah Al Hadi Hj. Mohamed (Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia ketika itu) serta beberapa tokoh akademik dari Universiti Malaya iaitu Prof. Emeritus Dato' Dr. Khoo Kay Kim, Prof. Dr. Juli Edo dan Prof. Dr. Hashim Awang.



Pastinya tidak terbalas oleh saya akan jasa anda sekalian. Ianya akan tetap dalam ingatan saya dan akan terus bersemadi di jiwa saya sehingga ke akhir hayat. Hanya Tuhan saja yang akan membalasnya.

Tenang-tenang air di laut  
Sampan kolek mudik ke tanjung  
Hati terkenang mulut menyebut  
Budi nan baik rasa nak junjung

Jentayu si burung jentayu  
Hinggap seekor di tepi pengkalan  
Bunga yang kembang pastikan layu  
Jasamu tuan tetap berkekalan

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Omar bin Othman telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 13 Januari 2004 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Orang Asli Dalam Politik dan Pembangunan Di Pahang” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

**ASNARULKHADI ABU SAMAH, Ph.D.**

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**ABDUL HALIN HAMID, Ph.D.**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**MOHAMMAD SHATAR SABRAN, Ph.D.**

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**MOHAMMAD AGUS YUSOFF, Ph.D.**

Profesor Madya  
Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**GULAM RUSUL RAHMAT ALI, Ph.D.**

Profesor / Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**JAYUM A. JAWAN, Ph.D.**

Profesor  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**ZAHID EMBY, Ph.D.**

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ZAID AHMAD, Ph.D.**

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**AINI IDERIS, Ph.D.**

Profesor / Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah berasaskan kepada hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan kutipan yang telah dinyatakan. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau lain-lain institusi.

---

**OMAR BIN OTHMAN**

Tarikh:

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>DEDIKASI</b>	ii
<b>EPIGRAF</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>PENGHARGAAN</b>	viii
<b>PENGESAHAN</b>	x
<b>DEKLARASI</b>	xii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
<b>SENARAI SINGKATAN NAMA</b>	xix
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xx
<b>BAB</b>	
<b>I</b>	<b>PENGENALAN</b> 1
	Pendahuluan 1
	Latar Belakang Kajian 3
	Objektif Kajian 4
	Kepentingan Kajian 5
	Permasalahan Kajian 7
	Persoalan Kajian 7
	Definisi Operasional 9
	Penglibatan 10
	Pengetahuan 10
	Pandangan 11
	Batasan Kajian 12
	Organisasi Kajian 13
<b>II</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b> 15
	Pengenalan 12
	Konsep Politik 15
	Konsep Pembangunan 18
	Konsep Politik Pembangunan 21
	Orang Asli dan Pembangunan 22
	Sorotan Literatur 24
	Penutup 32
<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b> 34
	Pengenalan 34
	Lokasi Kajian 34
	Kaedah Pengumpulan Data 35
	Pengumpulan Data Primer 36

	Pengumpulan Data Sekunder	40
	Pengalaman Peribadi	41
	Analisis Data	42
	Profil Responden	43
	Suku Kaum	43
	Umur, Jantina dan Status Perkahwinan	43
	Agama	45
	Pekerjaan dan Pendapatan Bulanan	45
	Persekolahan dan Kelulusan Diperolehi	47
	Penutup	48
<b>IV</b>	<b>ORANG ASLI DALAM POLITIK</b>	<b>50</b>
	Pengenalan	50
	Struktur Kepimpinan	50
	Penglibatan Dalam Politik	54
	Minat Terhadap Politik	54
	Keahlian Dalam Pertubuhan Politik	58
	Pendaftaran Sebagai Pemilih dan	
	Pengundian	60
	Parti Pilihan Semasa Mengundi	62
	Penglibatan Dalam Pertubuhan Lain	65
	Pengetahuan Tentang Politik	67
	Sumber Maklumat Berkaitan	
	Perkembangan Politik Tanahair	67
	Pengetahuan Tentang Parti Politik	72
	Pengetahuan Tentang Wakil Rakyat	73
	Pengetahuan Tentang Tokoh Politik	
	Orang Asli Di Pahang	74
	Pandangan Terhadap Politik	79
	Tujuan Menyertai Politik	79
	Politik dan Nasib Orang Asli	81
	Kepuasan Hati Dengan Penglibatan	
	Orang Asli Dalam Politik	82
	Keperluan Kepada Parti Politik Sendiri	84
	Penutup	87
<b>V</b>	<b>ORANG ASLI DALAM PEMBANGUNAN</b>	<b>88</b>
	Pengenalan	88
	Penglibatan dan Penerimaan Masyarakat	
	Orang Asli Dalam Pembangunan	89
	Penglibatan Dalam Pelbagai Bentuk	
	Pembangunan	89
	Bentuk Bantuan Yang Pernah Diterima	91
	Penerimaan Kepada Pembangunan	93
	Pandangan dan Pengetahuan Tentang	
	Pembangunan	97

	Pengetahuan Tentang Makna	
	Pembangunan	97
	Keperluan Terlibat Dalam Pembangunan	98
	Orang Asli Perlu Dibantu dan Pihak Yang	
	Patut Membantu	99
	Tempoh Masa Masyarakat Orang Asli	
	Perlu Dibantu	100
	Kerajaan Perlu Berunding Sebelum	
	Laksanakan Program Pembangunan	102
	Kepuasan Hati Terhadap Kerajaan	103
	Kejayaan Kerajaan Mengubah Nasib	
	Orang Asli	105
	Peranan Kerajaan Dalam Membangunkan	
	Masyarakat Orang Asli	108
	Kemudahan Yang Disediakan	113
	Penutup	116
<b>VI</b>	<b>KESIMPULAN</b>	118
	Pengenalan	118
	Dapatan Utama	118
	Cadangan	122
	Masyarakat Umum	123
	Masyarakat Orang Asli	124
	Kerajaan	126
	Penutup	133
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	134
	<b>LAMPIRAN</b>	139
	<b>BIODATA PENULIS</b>	157

